

UCAPAN BAJET DBKL 2018

Oleh

**Y.BHG TAN SRI HJ. MHD. AMIN NORDIN BIN ABD. AZIZ
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

22 NOVEMBER 2017

“KEMAJUAN DAN KESEJAHTERAAN UNTUK WARGA KOTA”

Bismillahir rahmannir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera

YBhg Datuk-Datuk / Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian



PENDAHULUAN

1. Syukur Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita merafakkan rasa syukur yang setulusnya ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga, hari ini buat kali ketiga saya membentangkan Bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

2. Kuala Lumpur yang hanya berkeluasan 243 kilometer persegi dengan anggaran bilangan penduduk sebanyak 1.86 juta cukup untuk menggambarkan kepadatan yang tinggi. Sebagai sebuah ibu negara Malaysia, ia memberi cabaran utama kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam mentadbir dan mengurus bandar bagi memenuhi kehendak dan keperluan warga kota.

3. Untuk makluman, Kuala Lumpur telah mendapat beberapa pengiktirafan antarabangsa baru-baru ini. Dalam kajian yang dilaksanakan oleh firma konsultan global iaitu Mercer, Kuala Lumpur menduduki tempat kedua di Asia Tenggara dan kesepuluh di Asia untuk kajian ke-19 “Quality of Living Ranking” meliputi 450 buah bandar raya di seluruh dunia. Kajian ini mengambil kira 39 faktor yang dikategorikan mengikut 10 kategori seperti persekitaran ekonomi, politik dan sosial.

4. Bukan itu sahaja, Kuala Lumpur juga disenarai sebagai ‘*Top 10 Most Visited Cities*’ pada tahun 2017 oleh tiga firma kajian berpengaruh di dunia. *CNN Travel* menyenaraikan Kuala Lumpur sebagai tempat kelapan untuk bandar raya yang paling ramai dilawati pelancong luar dengan jumlah 12.08 juta orang.

5. Selain itu, Majalah *Time* yang berpengkalan di Amerika Syarikat menyenaraikan Kuala Lumpur sebagai tempat kesembilan dengan jumlah 12.1 juta pelancong luar daripada 132 buah bandar raya yang terlibat dengan kajian di seluruh dunia.

6. Pencapaian ini bukan mudah untuk dicapai dan dikekalkan terutamanya dengan pengiktirafan antarabangsa tanpa komitmen semua pegawai dan kakitangan DBKL dalam memastikan peranan dan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dilaksanakan dengan baik. Kejayaan menjadi tuan rumah Sukan SEA ke-29 seterusnya menjuarai kejohanan pada tahun ini adalah kejayaan besar yang boleh dibanggakan.

7. Pada tahun hadapan, Kuala Lumpur diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi sesi ke – 9, World Urban Forum (WUF9) yang dijangka akan menarik jumlah penyertaan seramai 25,000 orang peserta daripada seluruh dunia. Selain itu juga, Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah bagi penganjuran IFLA World Library and Information Congress (WLIC) kali ke-84 yang dijangka akan diadakan pada bulan Ogos 2018.

8. DBKL menggalakan penglibatan swasta dalam program ‘CSR’ dalam menyediakan infrastruktur atau kemudahan kepada warga kota. Sebagai contoh, penglibatan Think City Sdn. Bhd. dalam mewujudkan ‘pocket park’ di kawasan-kawasan tertentu di bandar.
9. DBKL juga turut memperkenalkan program V4KL Unity (*Volunteer for KL*) yang terdiri daripada golongan remaja dan belia bersama dengan warga kerja DBKL dengan kerjasama MPP (Majlis Perwakilan Penduduk) menjalankan aktiviti gotong-royong membersihkan dan mengecat kawasan kejiranan setempat.
10. Dalam usaha menangani kos sara hidup yang tinggi terutamanya bagi warga kota, DBKL melalui program *Kad Ceria* mengambil inisiatif memberi diskaun 10% cukai taksiran, diskaun 10% untuk sewa premis DBKL, 60% diskaun lesen penjaja dan diskaun sehingga 30% bagi lesen premis perniagaan yang sehingga kini mendapat sambutan lebih daripada 7,213 rakan dagang. DBKL mengharapkan lebih ramai lagi rakan dagang dapat menyertai program Kad Ceria ini. Dengan langkah ini, warga kota akan menikmati diskaun dan potongan harga yang akan ditawarkan oleh rakan dagang yang mengambil bahagian.

11. Dalam menangani isu utama warga kota dalam pemilikan rumah di Kuala Lumpur. DBKL dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah Projek Rumah Wilayah Persekutuan (**RUMAWIP**) Kuala Lumpur sebanyak **123** projek perumahan dengan **90,867** unit rumah akan disediakan. Sebanyak **55,000 unit** dengan **78 projek** telah komited dan dijangka siap pada tahun **2019**. Berdasarkan status terkini dimaklumkan bahawa ;-

- a. 7 projek dengan 4,262 unit rumah telah siap dibina termasuk di Bandar Tun Razak, Jinjang Utara dan Bukit Jalil.
- b. 34 projek dengan 23,943 unit sedang dalam pembinaan
- c. 37 projek dengan 26,844 unit telah mendapat Perintah Pembangunan(DO)
- d. 42 projek dengan 34,334 unit sedang dalam pertimbangan OSC
- e. 3 projek dengan 1,484 unit sedang dalam perancangan

12. Di samping itu, projek perumahan '*council home*' untuk warga muda, bujang dan bekerja di Kuala Lumpur dengan anggaran kos RM345 juta sedang dibina di Kampung Sungai Udang, Segambut.

13. Di bawah skim ini, penyewa yang layak akan dikenakan kadar sewa sebanyak RM 800 sebulan. Walau bagaimanapun, bagi membantu penyewa untuk memiliki rumah pada masa akan datang, RM 300 daripada kadar sewa bulanan sepanjang tempoh penyewaan tersebut akan dipulangkan kembali kepada penyewa apabila tamat tempoh sewa untuk bayaran deposit pembelian rumah baru.

14. Manakala tambahan projek perumahan ‘council home’ yang akan dibangunkan di Razak Mansion, Sungai Besi dan di Kampung Keramat, Titiwangsa akan dilaksanakan secara usahasama dengan pemaju swasta.

15. Untuk makluman, Penyata Kewangan DBKL 2016 telah diaudit oleh Ketua Audit Negara dan dalam laporannya bertarikh 24 Ogos 2017 menyatakan bahawa Penyata Kewangan DBKL telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan DBKL dan prestasi kewangan serta aliran tunainya selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

16. Berdasarkan laporan ini, jelas menunjukkan bahawa DBKL mengamalkan konsep akauntabiliti dalam pengurusan kewangan.

FOKUS BAJET 2018

17. Pada 16 Ogos 2017 yang lalu, DBKL telah mengadakan satu bengkel ‘Focus Group’ bagi penyediaan bajet 2018 bersama persatuan penduduk, pertubuhan kebajikan masyarakat, persatuan perniagaan, penjaja, badan profesional, badan korporat, institusi pendidikan, pertubuhan bukan kerajaan, persatuan sukan serta wakil dari Kementerian dan Agensi Kerajaan.
18. Bengkel ini diadakan bagi mendapatkan input dan idea bagi memastikan perancangan DBKL realistik serta mengambil kira keperluan sebenar masyarakat yang akhirnya diharapkan dapat memberi impak positif dan manfaat secara keseluruhannya.
19. Perkara utama yang perlu diambil perhatian dalam Bajet 2018 ini adalah untuk memastikan warga kota menikmati kesejahteraan kehidupan di bandar dalam bentuk persekitaran yang berkualiti, selamat serta gaya hidup yang sihat.

20. DBKL berusaha untuk memastikan setiap program dan aktiviti yang dirancang mempunyai ciri-ciri realistik, kos munasabah, mencapai keperluan sebenar masyarakat dan memberi impak positif kepada warga kota serta mengikut kemampuan kewangan semasa selaras dengan prinsip “**value for money**”.

21. Perancangan tahun hadapan juga adalah berlandaskan visi dan misi DBKL untuk menjadi Pihak Berkuasa Tempatan terunggul bagi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020.

22. Selain itu, Pelan Strategik DBKL 2010 - 2020 yang menekankan 5 matlamat utama iaitu bandar raya milik warga kota, bandar raya makmur ekonomi, bandar raya bersaring, bandar raya eko dan bandar raya tadbir urus cekap turut diambilkira dalam perancangan bajet 2018.

PERUNTUKAN PERBELANJAAN 2018

23. Dengan tema bajet "*Kemajuan Dan Kesejahteraan Untuk Warga Kota*", Bajet DBKL 2018 dirancang dengan peruntukan sebanyak **RM2.905 bilion** di mana **RM1.759 bilion** atau **60.6%** disediakan bagi Peruntukan Mengurus dan **RM1.146 bilion** atau **39.4%** untuk Peruntukan Pembangunan.

PERBANDINGAN ANTARA BAJET 2018 DAN BAJET 2017

24. Di bawah Peruntukan Mengurus, sebanyak **RM1.759 bilion** diperuntukkan berbanding **RM1.728 bilion** pada tahun 2017. Peruntukan ini telah **meningkat** sebanyak **1.8%** ataupun **RM31.1 juta** berbanding peruntukan tahun 2017
25. Manakala di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sebanyak **RM1.146 bilion** diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan, pembelian dan penggantian aset-aset modal. Peruntukan Pembangunan ini **meningkat** sebanyak **0.26%** ataupun **RM3.02 juta** berbanding Peruntukan Pembangunan 2017 sebanyak **RM1.143 bilion.**

26. Pecahan Peruntukan Pembangunan terbahagi kepada pembiayaan oleh DBKL sebanyak **RM907.4 juta** manakala **RM238.6 juta** merupakan pembiayaan daripada kerajaan dan swasta.
27. Bagi pembiayaan DBKL, jumlah peruntukan ini **meningkat** sebanyak **21.5%** ataupun **RM160.3 juta** berbanding peruntukan 2017 sebanyak **RM747.1 juta**. Manakala bagi pembiayaan kerajaan dan swasta, jumlah peruntukan ini **berkurangan** sebanyak **39.7%** ataupun **RM157.2 juta** berbanding peruntukan 2017 sebanyak **RM395.9 juta**.

ANGGARAN HASIL 2018

28. Secara umumnya, Anggaran Hasil 2018 meningkat kepada **RM2.667 bilion** berbanding dengan **RM2.475 bilion** dalam tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak **7.7%**.
29. Hasil cukai taksiran yang dijangka berjumlah **RM1.105 bilion** merupakan hasil utama DBKL di mana menyumbang sebanyak **41.4%** daripada hasil keseluruhan DBKL. Sehingga kini, bilangan hartanah di Kuala Lumpur yang terdiri daripada bangunan pejabat, rumah kediaman, hotel dan premis perniagaan telah direkodkan sebanyak 568,178 akaun.

30. Berdasarkan situasi semasa, pertumbuhan ekonomi negara dijangka akan kekal malar pada tahun 2018. Oleh itu, DBKL bercadang untuk **tidak akan menaikkan kadar cukai taksiran ke atas pegangan harta** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Malahan, DBKL akan terus mengekalkan insentif kepada pembayar cukai taksiran **golongan OKU** sebanyak **20%** seperti tahun ini.

31. Hasil kedua terbesar ialah pulangan keuntungan pelupusan aset sebanyak **RM632.8** juta atau pun **23.7%**. Hasil daripada pelupusan aset ini telah menyumbang kepada peningkatan keseluruhan anggaran hasil 2018 yang sekerasnya membantu bagi mencapai bajet seimbang.
32. Bagi hasil bayaran kawalan binaan dan perancangan, sebanyak **RM350** juta (**13.1%**) dijangka dapat diperoleh pada tahun 2018. DBKL masih mengekalkan insentif kepada pemaju dengan pemberian diskaun sebanyak 50% ke atas caj pembangunan. Insentif ini telah diberikan mulai 1 September 2015 untuk membantu kerajaan menggalakkan pertumbuhan ekonomi khususnya dalam sektor pembinaan.

33. Selain itu, hasil lain termasuklah hasil pelaburan sebanyak **RM230 juta (8.6%)**, hasil pulangan projek penswastaan sebanyak **RM67.5 juta (2.5%)**, hasil sewaan perumahan berjumlah **RM61 juta (2.3%)**, hasil lesen dan permit sebanyak **RM49 juta (1.9%)**, hasil sewaan harta dan tempat letak kereta sebanyak **RM39.8 (1.6%)** serta hasil denda sebanyak **RM27 juta (1%)**.
34. Cabaran utama DBKL dalam mengutip hasil adalah menangani tunggakan cukai taksiran dan sewaan perumahan. Oleh itu, warga kota adalah diharap dapat menjalankan tanggungjawab dalam menjelaskan cukai taksiran dan sewaan perumahan bagi mengurangkan jumlah tunggakan yang terpaksa ditanggung DBKL.
35. Manakala bagi terimaan bukan hasil daripada pendapatan perbadanan pengurusan dijangka berjumlah **RM53.9 juta (2%)**, bantuan kerajaan pusat berjumlah **RM45 juta (1.7%)** dan hasil daripada sumber lain sebanyak **RM6 juta (0.2%)**.

PERUNTUKAN MENGURUS 2018

36. Pada tahun 2018, DBKL akan memperuntukkan sejumlah **RM1.759 bilion** dalam Peruntukan Mengurus. Ia terbahagi kepada enam komponen utama iaitu **RM501.9 juta (28.5%)** adalah bagi peruntukan Emolumen, **RM67.6 juta (3.9%)** disediakan bagi Bayaran Lebih Masa dan **RM1.089 bilion (61.9%)** bagi peruntukan Perkhidmatan dan Bekalan.
37. Selain itu, sejumlah **RM6.3 juta (0.4%)** turut disediakan bagi pembelian dan penggantian aset kecil dan inventori. Dalam pada masa yang sama, sebanyak **RM49.7 juta (2.8%)** diperuntukkan bagi Perbelanjaan Perbelanjaan Lain dan bakinya sebanyak **RM44.5 juta (2.5%)** adalah bagi Pemberian & Kenaan Tetap.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN 2018

38. Bagi Peruntukan Pembangunan, sejumlah **RM1.146 bilion** diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan, pembelian dan penggantian aset-aset modal sepanjang tahun 2018.

39. Jumlah tersebut terbahagi kepada pembiayaan oleh DBKL sebanyak **RM907.4 juta (79.2%)** manakala **RM238.6 juta (20.8%)** merupakan pembiayaan daripada kerajaan dan swasta.
40. Sejumlah **RM177.8 juta (15.5%)** diperuntukkan bagi membiayai projek-projek pembangunan di bawah **Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11)** manakala **RM1 juta (0.1%)** lagi adalah bagi projek **National Key Result Area (NKRA)** jaitu pembinaan jejantas dan laluan pejalan kaki berbumbung serta koridor jalan. Seterusnya, sebanyak **RM44.9 juta (3.9%)** diperuntukkan di bawah program **NKEA Greater KL / KV** bagi projek **River of Life, Greener KL, Pedestrian Network** dan **Global Attraction**.
41. Selain itu, sejumlah **RM3 juta (0.3%)** bagi projek **Pedestrian Linkages** yang disumbangkan oleh **Petronas** manakala bakinya sebanyak **RM11.9 juta (1%)** disalurkan oleh **Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP-1Malaysia)**, **Kementerian Wilayah Persekutuan** (bagi pewartaan rezab sungai, kolam takungan banjir serta kajian sumber air bawah tanah) dan **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan** (pembinaan Kompleks Akademi Tahfiz Darul Abrar dan pemberesaran surau PPR Beringin Fasa 2).

14 PROGRAM PERUNTUKAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN 2018

42. Untuk merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020 seiring dengan menjadi PBT terunggul yang dapat memenuhi cita rasa warga kota, DBKL akan memberi penekanan terhadap pelaksanaan kesinambungan 14 program utama sedia ada.

i. Program Pengurusan dan Pentadbiran :

- Dalam usaha memperkasa urus tadbir DBKL bagi memantapkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan termasuk kos utiliti, sejumlah **RM209.9 juta** diperuntukkan dalam Peruntukan Mengurus.
- Di samping itu, sebanyak **RM187.7 juta** disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran dalam Peruntukan Pembangunan. Daripada jumlah tersebut, **RM87.6 juta** merupakan peruntukan untuk pembelian aset baru dan penggantian manakala **RM83 juta** pula melibatkan peruntukan bagi pembayaran pengambilan tanah dan premium tanah untuk projek-projek pembangunan yang bakal dilaksanakan untuk manfaat warga kota pada masa hadapan.

ii. Program Pembersihan Bandar :

- Bagi memastikan tahap kebersihan yang baik di ibu kota yang pesat membangun sejumlah **RM263.2 juta** disediakan di bawah Peruntukan Mengurus. Secara purata dianggarkan sebanyak 3,000 tan metrik sisa domestik sehari perlu diuruskan. Sebahagian besarnya adalah bayaran untuk kontrak pembersihan bandar yang diuruskan oleh **Perbadanan Pengurusan Sisa Pepajal & Pembersihan Awam (SW Corp)** berjumlah **RM155 juta** untuk memastikan kota raya ini sentiasa bersih, bebas daripada pencemaran dan selesa untuk didiami oleh warga kota.

iii. Program Penghijauan, Penyenggaraan Taman, Tanah Lapang Dan Kemudahan Rekreasi :

- Dalam usaha untuk memastikan Kuala Lumpur sebagai *Bandaraya Taman Tropika Lestari* menjelang tahun 2020, elemen landskap pada susun atur hijau di semua taman awam, tanah lapang dan kawasan rekreasi diteruskan.

- Untuk itu, sejumlah **RM73.7 juta** disediakan di bawah Peruntukan Mengurus bagi membiayai program penghijauan dan penyelenggaraan taman awam, padang, tanah lapang serta taman permainan termasuk taman-taman utama iaitu Taman Botani Perdana, Taman Tasik Titiwangsa dan Taman Tasik Permaisuri.

- Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM57.7 juta** disediakan bagi program ini. Pada tahun 2018, DBKL bercadang membangunkan Taman Tasik Permaisuri dengan memperuntukkan sebanyak **RM11 juta**.
- Selain itu, sebanyak **RM10 juta** disediakan bagi meningkatkan percahayaan pada waktu malam di taman-taman awam di sekitar Kuala Lumpur kepada lampu LED. Selebihnya peruntukan disediakan bagi program penanaman pokok dan menaiktaraf taman-taman dan kawasan-kawasan rekreatif agar kotaraya ini menjadi lebih ceria, hijau dan segar.

iv. Program Jalan Raya dan Saliran :

- Penyelenggaraan jalan raya yang dianggarkan lebih kurang 3,000 kilometer panjang perlu dilakukan secara berkala oleh DBKL bagi memastikan keselamatan dan keperluan mobiliti yang memuaskan. Sehubungan itu, DBKL akan memperuntukkan sebanyak **RM137.2 juta** di bawah Peruntukan Mengurus yang terdiri daripada penyelenggaraan jalan raya, cerun, sungai, longkang dan lorong – lorong belakang serta sisi di sekitar Kuala Lumpur termasuk kawasan perumahan.
- Manakala di bawah Peruntukan Pembangunan, DBKL juga menyediakan pembiayaan terbesar di mana bagi program ini sahaja, sebanyak **RM402.3 juta** diperuntukkan yang melibatkan **79 projek** untuk dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM294.1 juta** diagihkan kepada 37 projek bagi tujuan kerja-kerja pembinaan, penyuraian serta naiktaraf jalan raya dan **RM108.2 juta** bagi kerja-kerja perparitan dan saliran di seluruh kawasan Lumpur.

- Peruntukan sejumlah **RM33** juta adalah merupakan pembiayaan di bawah **NKEA (Greater KL / KV)** khasnya untuk program **River Of Life** dan sebanyak **RM90** juta untuk projek penyuraian trafik serta kerja-kerja menaiktaraf Jalan Tun Razak di bawah **RMK-11**

v. **Program Lampu Jalan dan Kemudahan Sistem Lalu**

Lintas :

- Dengan mementingkan konsep *Bandar Selamat* dan *Bandaraya Taman Bercahaya*, DBKL turut memastikan jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur sentiasa dalam keadaan cerah bercahaya yang dianggarkan 40,000 unit lampu jalan dan ini seterusnya dapat meningkatkan lagi tahap keselamatan pengguna jalan raya.
- Oleh itu, sejumlah **RM80.5** juta disediakan di bawah Peruntukan Mengurus bagi kerja penyelenggaraan lampu jalan, sewaan peralatan ITIS, penyelenggaraan bonggol, papan tanda jalan serta lalu lintas dan termasuk bil elektrik yang dikenakan.

- DBKL juga memperuntukkan sejumlah **RM55.3 juta** bagi program ini di bawah Peruntukan Pembangunan. Antara projek utama yang dilaksanakan adalah penggantian lampu jalan sedia ada jenis HPSV kepada jenis LED dan pembangunan sistem trafik bersepadu di sekitar Kuala Lumpur. Langkah ini dapat menjimatkan kos bil elekrik sehingga 50% daripada bil asal sebelum penggantian lampu LED.

vi. **Program Tempat Letak Kereta, Hentian Bas & Siar Kaki :**

- Di bawah Peruntukan Mengurus, sejumlah **RM5.7 juta** diperuntukkan dalam Bajet 2018. Sebahagian besarnya adalah bagi tujuan penyelenggaraan tempat letak kereta, perteduhan bas dan teksi serta laluan pejalan kaki berbungkus bagi kemudahan dan keselesaan warga kota.
- Manakala di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM136.7 juta** disediakan. Sebahagian besarnya yang berjumlah **RM100.4 juta** adalah untuk pembinaan tempat letak kereta di 14 lokasi Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat di seluruh Kuala Lumpur.

vii. **Program Penyelenggaraan, Naiktaraf & Ubahsuai Bangunan:**

- Anggaran Peruntukan Mengurus bagi program ini adalah sebanyak **RM42.5** juta yang meliputi kerja-kerja penyelenggaraan bagi bangunan-bangunan DBKL seperti penyelenggaraan bangunan pejabat, bayaran kontrak mencuci bangunan milik DBKL, penyelenggaraan pembersihan serta penyelenggaraan rumah, kuarters dan rumah rehat DBKL.
- Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM83.4** juta diperuntukkan. Antaranya adalah bagi menaiktaraf bangunan unit-unit luar dan bangunan pejabat Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar serta projek ubahsuai makmal sains di Pasar Borong Selayang.

viii. **Program Penjaja dan Peniaga Kecil :**

- DBKL telah menyediakan pusat-pusat penjaja yang lebih teratur di kawasan-kawasan yang strategik di sekitar Kuala Lumpur. Untuk makluman, terdapat 98 kawasan pasar malam,

100 kawasan pasar dan 67 kawasan pusat penjaja DBKL. Ini telah memberi peluang kepada penjaja bermiaga di premis-premis yang teratur, selesa dan bersih serta dapat meningkatkan imej penjaja-penjaja berkenaan.

- Oleh itu, bertepatan dengan harapan DBKL untuk menggalakan pembangunan penjaja, pengusaha dan peniaga kecil di Kuala Lumpur, sejumlah **RM19.1 juta** disediakan di bawah Peruntukan Mengurus yang sebahagian besarnya meliputi bayaran bil utiliti seperti bil air dan elektrik pusat-pusat penjaja, kerja-kerja penyenggaraan bangunan pasar, pusat penjaja, tapak penjaja, kios serta penyenggaraan mesin rumah sampah.
- Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM26.9 juta** disediakan bagi pembangunan dan pembinaan pasar dan pusat penjaja di seluruh kawasan Kuala Lumpur. Antaranya adalah pembangunan Pasar Raja Bot di Kampong Bharu yang berjumlah **RM10 juta** di samping projek pembangunan semula Pasar Harian Selayang dan pusat penjaja di Bazaria Genting Klang yang terletak bersebelahan dengan kompleks JPJ yang masing-masing menalan belanja sebanyak **RM5 juta**.

ix. Program Penguatkuasaan :

- Bagi meningkatkan keupayaan dan kecekapan dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan, DBKL mengambil langkah pemusatan kakitangan penguatkuasa yang terdiri daripada pelbagai bidang di dalam satu jabatan.
- Di samping itu juga, di bawah strategi lautan biru, DBKL bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen dan lain-lain agensi Kerajaan dalam menjalankan operasi penguatkuasaan.
- Untuk itu, di bawah Peruntukan Mengurus, sebanyak **RM27.9 juta** disalurkan bagi program ini yang sebahagian besarnya dibelanjakan bagi perkhidmatan keselamatan.

x. Program Perumahan Awam & Perumahan Rakyat :

- Dalam memenuhi keperluan penduduk yang berpendapatan rendah di ibu kota, setiap tahun, DBKL dengan penuh rasa tanggungjawab mengambil inisiatif untuk mengurus lebih 74,000 unit rumah di 32 kawasan PPR dan 31 kawasan PA di sekitar Kuala Lumpur.

- Peruntukan Mengurus yang besar sebanyak **RM147.9 juta** disediakan bertujuan membaiki dan menyelenggara rumah-rumah pangsa yang melibatkan kerja-kerja awam, elektrik, mekanikal, kerja lif dan kontrak pembersihan selain bayaran kontrak untuk yuran pengurusan yang perlu ditanggung DBKL. Hal ini perlu dilakukan oleh DBKL untuk memastikan keselesaan, keselamatan dan kesejahteraan penduduk di kawasan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat sentiasa terpelihara dan terjaga.
- Tidak cukup dengan itu, di bawah Peruntukan Pembangunan, DBKL juga memperuntukkan sejumlah **RM102.7 juta** yang sebahagian daripadanya adalah untuk pembinaan Perumahan Awam Council Home di Kg. Sg. Udang, Segambut yang berjumlah **RM50 juta**. Projek yang bernilai **RM345 juta** ini bakal disiapkan menjelang tahun 2020 akan menawarkan peluang penempatan dengan harga sewa yang cukup berpatutan kepada warga kota yang belum memiliki rumah.

- Manakala sejumlah **RM8.5 juta** diperuntukkan untuk projek penggantian unit-unit penumpang di blok-blok Perumahan Awam Sri Kota dan Sri Sabah. Selebihnya adalah untuk peruntukan bagi kerja-kerja penggantian dan naik taraf lif, naik taraf sistem elektrik bagi pemasangan *branch cable*, naik taraf pam, naik taraf sistem bekalan air dalaman, naik taraf pam serta pemasangan pendingin hawa di dewan-dewan PPR dan pemasangan CCTV di beberapa kawasan PA dan PPR, dengan harapan kemudahan ini dapat dinikmati dan dirasai oleh penduduk di kawasan ini.

xi. Program Kesihatan

- Dalam menggapai impian untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang bertaraf dunia, aspek persekitaran yang bersih dan selesa perlu dititik beratkan khususnya yang berkaitan penjagaan kesihatan dan masalah penyakit yang berpunca daripada bawaan vektor.
- Sehubungan itu, melalui program kesihatan, sejumlah **RM7.3 juta** diperuntukkan di mana sebahagian besarnya yang berjumlah **RM4.5 juta** adalah untuk kerja-kerja *fogging* yang akan dilaksanakan di seluruh Kuala Lumpur pada tahun hadapan selain **RM2.3 juta** lagi untuk bekalan ubah pencegah penyakit bawaan nyamuk.

xii. Program Kesejahteraan Komuniti :

- Dengan anggaran bilangan penduduk berjumlah lebih 1.8juta orang pada tahun 2017, adalah menjadi tanggungjawab DBKL untuk mensejahterakan warga kota yang terdiri daripada pelbagai kaum dan peringkat umur. Oleh itu, sejumlah **RM57.7 juta** disediakan di bawah Peruntukan Mengurus untuk khas untuk warga kota Kuala Lumpur.
- Bagi meningkatkan kerjasama dan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat, **RM15.2 juta** diperuntukkan dalam Aktiviti Pembangunan Sosial & Gotong Royong. Untuk membantu murid-murid yang kurang berkemampuan menimba ilmu di sekolah, DBKL dengan penuh rasa prihatin bersedia memperuntukkan **RM15 juta** bagi program bantuan bas sekolah percuma yang baru bermula pada tahun ini.
- Selain itu, pelbagai program khas komuniti warga kota yang turut melibatkan orang kurang upaya (OKU), warga emas dan gelandangan yang merangkumi pelbagai peringkat umur terus diperuntukkan dalam Bajet 2018 ini.

- Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM53.9 juta** disediakan di mana peruntukan besar sebanyak **RM18.5 juta** disediakan bagi tujuan pembinaan dan naik taraf dewan masyarakat, dewan komuniti serta dewan serbaguna di seluruh Kuala Lumpur yang bakal memberi manfaat kepada penduduk di sekitarnya. Bagi melahirkan warga kota yang celik ilmu, **RM10 juta** diperuntukkan untuk projek naiktaraf perpustakaan-perpustakaan DBKL di seluruh Kuala Lumpur

xiii. **Program Kebudayaan, Kesenian dan Sukan :**

- Aktiviti-aktiviti dan program-program kebudayaan, kesenian dan sukan adalah penting bagi perkembangan fizikal dan minda penduduk bandar raya dan juga menjadi elemen dalam mengukuhkan semangat kemasyarakatan. Kuala Lumpur perlu membangun sebagai satu entiti moden dengan identiti dan imej tersendiri yang kaya dengan warisan, seni dan budaya yang menjadi kebanggaan warga kota dan negara.

- Justeru, dalam mencapai usaha ini, sejumlah **RM12.6 juta** dibawah Peruntukan Mengurus disediakan untuk program-program yang melibatkan kegiatan sukan, kebudayaan dan muzik Kuala Lumpur. Daripada jumlah tersebut, **RM4.5 juta** dan **RM2.5 juta** masing-masing diperuntukkan untuk pelbagai kegiatan sukan dan kebudayaan Kuala Lumpur. Manakala lebih **RM3.6 juta** pula diperuntukkan untuk penyenggaraan stadium / kompleks renang dan kolam renang bagi kemudahan riadah warga kota.
- Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM7.8 juta** disediakan bagi program ini. Sebahagian besarnya adalah untuk projek naiktaraf Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur sebanyak **RM5 juta**. Peruntukan lain juga disediakan bagi projek memasang dan naiktaraf LED *Display Board System* di Stadium Titiwangsa serta baik pulih dan naik taraf gelanggang futsal dan padang bola di seluruh Kuala Lumpur bagi menggalakkan warga kota mengamalkan aktiviti hidup sihat dengan bersukan.

xiv. Program Pelancongan :

- Kuala Lumpur mempunyai banyak kelebihan untuk ditawarkan sebagai destinasi pelancongan seperti masyarakatnya yang berbilang kaum, agama dan kebudayaan serta kemudahan infrastruktur, pusat membeli belah, hiburan dan hotel yang bertaraf antarabangsa. Ikonik baru bagi tarikan pelancongan diwujudkan seperti ‘Blue Pool’ dan ‘Countdown Clock’ telah siap dibina. Justeru untuk terus menggalakkan aktiviti pelancongan, sejumlah **RM4.5 juta** disediakan di bawah Peruntukan Mengurus bagi aktiviti penggalakan pelancongan.
- Selain itu, di bawah Peruntukan Pembangunan, sejumlah **RM31.8 juta** disediakan bagi terus meningkatkan pencapaian Kuala Lumpur sebagai antara destinasi pilihan utama pelancong luar di dunia. **RM15 juta** diperuntukkan untuk kerja-kerja *Quick Win*, Naiktaraf dan Pengindahan di bawah Presint – Presint UDG yang terletak di kawasan Bukit Bintang, Chow Kit dan Civic Presint. Selain itu, sejumlah **RM5 juta** juga diperuntukkan di bawah pembiayaan NKEA bagi projek KL *Heritage Trail 7* dan *8*.

- Beberapa program juga diperuntukkan dalam Bajet 2018 bagi pembinaan pintu-pintu gerbang di sempadan masuk Kuala Lumpur, menaiktaraf dan pengindahan di beberapa lokasi tumpuan pelancong serta program khas pemantapan bangunan warisan. Dengan inisiatif serta pelaksanaan projek-projek tersebut, ianya diharap dapat menggalakkan kemasukan ramai pelancong asing ke negara kita dan seterusnya memberikan hasil tambahan bukan sahaja kepada warga kota Kuala Lumpur tetapi juga kepada negara.

PENUTUP DAN RUMUSAN

43. Secara keseluruhannya, Bajet 2018 adalah merupakan **Belanjawan Seimbang** dimana Anggaran Hasil DBKL dijangka mampu menampung Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan Pembiayaan DBKL.

44. Berdasarkan kepada agihan-agihan peruntukan di atas, adalah dijangkakan program, aktiviti dan projek yang dibiayai di bawah Peruntukan Mengurus dan Pembangunan dapat mencapai objektif DBKL dan Visi menjadi '**Bandaraya Bertaraf Dunia**' serta Visi Wilayah Persekutuan '**Maju dan Sejahtera**'.
45. Besarlah harapan saya agar Bajet DBKL 2018 yang bertemakan "**Kemajuan Dan Kesejahteraan Untuk Warga Kota**" dapat memberi impak positif kepada warga kota. Setiap program / aktiviti / projek yang telah dirancang dan akan dilaksanakan adalah benar-benar bersesuaian dengan keperluan dan kehendak warga kota serta menepati dasar dan hasrat kerajaan dalam mensejahterakan kehidupan rakyat.

SEKIAN.